



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 05/07

PROGRAM JIWA MURNI BUKTI KOMITMEN KEMENTERIAN PERTAHANAN SEJAHTERAKAN RAKYAT

1. **Kota Tinggi, 17 Julai 2024 – Menteri Pertahanan, YB Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Program Jiwa Murni Kementerian Pertahanan Tahun 2024 Peringkat Negeri Johor, hari ini.**
2. Semasa berlangsung, YB Menteri Pertahanan **telah menyerahkan Mock-up Cheque peruntukan pembaikan rumah** bagi pelaksanaan PJM KEMENTAH Negeri Johor kepada lima orang penerima di sekitar **kawasan Kota Tinggi, Johor**. Keseluruhan projek di sekitar Johor bagi Tahun 2024 adalah berjumlah RM 603,637.10 melibatkan 24 orang penerima dari Simpang Renggam, Parit Sulong, Batu Pahat, Pasir Gudang dan Muar.
3. Program Jiwa Murni Kementerian Pertahanan (PJM KEMENTAH) adalah merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pertahanan selari dengan Teras 4 Pelan Strategik MINDEF (PSM) 2021 – 2025 iaitu Pengukuhan Kerjasama Awam-Tentera (Civil Military Cooperation - CIMIC) Demi Pertahanan Menyeluruh bagi meringankan beban golongan asnaf dan fakir miskin di kawasan yang telah dikenalpasti dari seluruh negara. Selain itu, PJM KEMENTAH ini juga adalah penting dalam mengukuhkan kerjasama antara awam dan tentera dengan menggariskan pendekatan *Whole of Government and Whole of Society* (WOGOS).
4. Bagi Tahun 2024, **Tentera Darat Malaysia (TDM)** melalui Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) **telah menerima peruntukan sebanyak RM3.23 Juta bagi melaksanakan PJM KEMENTAH meliputi 91 skop kerja** iaitu kerja-kerja bina baru, senggaraan dan pembaikan rumah asnaf veteran ATM, masjid atau surau, bangunan awam seperti dewan dan pusat komuniti. Kerja-kerja bagi program ini akan mengambil masa selama tiga bulan bermula pada penghujung bulan Julai dan **dijangka siap pada penghujung bulan Oktober 2024**.
5. Pada tahun 2021 hingga 2022 sebanyak 325 buah PJM telah dilaksanakan di seluruh negara dengan kos berjumlah RM5.69 juta. Bagi tahun 2023 sebanyak 55 PJM masih lagi dalam pelaksanaan merangkumi kos berjumlah RM1.43 juta. Walaupun Kementerian Pertahanan menumpukan kepada aspek pertahanan negara namun kementerian ini juga turut mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat khususnya dalam aspek kesejahteraan dan ia diterjemahkan menerusi PJM KEMENTAH.

6. Turut hadir dalam majlis pelancaran PJM KEMENTAH 2024 peringkat Negeri Johor hari ini ialah Panglima 7 Briged; Brigedier Jeneral Dato' Mohamad Suria bin Mohamad Saad, Ketua Jurutera Markas Tentera Darat; Brigedier Jeneral Ts. Shahruddin Mohd Noh dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sedili; Yang Berhormat Tuan Muszaide bin Makmor.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

Dikeluarkan pada 17 Julai 2024